

17/12/1999

Rakyat mahu Kabinet rapat dengan masyarakat

KUALA LUMPUR, Khamis - Pelbagai lapisan rakyat mahu anggota Kabinet menjalankan tanggungjawab dengan telus, merapatkan diri dan mendengar pandangan masyarakat dalam melaksanakan manifesto Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu.

Selain itu, mereka diharap dapat melaksanakan tugas secara proaktif dan menyediakan kad laporan mengenai setiap dasar serta projek yang dilaksanakan.

Penyelaras Unit Pengajian Strategi dan Keselamatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Kamarulnizam Abdullah, berkata kerajaan perlu telus dalam setiap dasar yang dilaksanakan.

"Masyarakat kini tidak boleh diperbudakkan dengan pelbagai isu dan gimik politik. Mereka sentiasa melihat prestasi kerajaan dan anggota Kabinet perlu membuat penjelasan mengenai sebarang keputusan secara berhemah.

"Sehubungan itu, kerajaan perlu mengambil kira pendapat rakyat, termasuk golongan profesional, pertubuhan bukan kerajaan dan pemimpin masyarakat dalam menentukan dasarnya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya anggota Kabinetnya bekerja keras menunaikan segala janji di dalam manifesto BN.

Perdana Menteri dalam mesyuarat Kabinet pertama selepas pilihan raya ke-10 semalam, juga mahu menteri memahami keperluan dan mendengar luahan rakyat serta berusaha membaiki mutu hidup mereka.

Presiden Fomca, Prof Dr Hamdan Adnan, berkata rakyat kini lebih matang dan mereka ingin melihat semua menteri dan wakil rakyat melaksanakan tugas dengan iltizam bagi meningkatkan pencapaian negara.

"Mereka (menteri) perlu mendapat maklum balas daripada golongan sasaran dan membuat analisis mengenai perkhidmatan mereka bagi mengelak menghadapi dikritik rakyat.

"Kerajaan juga perlu menerima teguran secara terbuka dan jangan mengangap teguran sebagai kritikan," katanya.

Seorang kakitangan awam, Jamaliah Tookyim, 42, berkata kerajaan haruslah membuktikan bahawa mereka masih mampu meneruskan usaha membangun dan memajukan negara, tanpa mengetepikan hak rakyat.

"Projek pembangunan mesti seimbang sama ada di bandar atau luar bandar di samping memastikan nasib rakyat miskin terbelah," katanya.

Kakitangan swasta, Prema S Ramiah, 36, berpendapat kerajaan seharusnya mendengar rintihan dan rasa tidak puas hati rakyat, bukannya bertindak sesuka hati dalam membuat sebarang keputusan.

"Rakyat mesti diberitahu mengenai setiap perancangan kerajaan supaya tidak berlaku sebarang kekeliruan dan seterusnya mewujudkan perasaan tidak puas hati rakyat," katanya.

Sementara itu, pekerja syarikat pengiklanan, Ainun Kamila Abdul Kadir, 24, berkata dalam memberi perhatian kepada pembangunan, kerajaan tidak boleh melupakan kepentingan golongan muda, terutama pelajar.

"Golongan remaja aset penting negara kerana mereka bakal menerajui tampuk pemerintahan negara.

"Oleh itu, kepentingan mereka perlu diberi perhatian, contohnya dengan memberi kemudahan dalam bidang pendidikan seperti pinjaman pelajaran yang mencukupi," katanya.

Pegawai penyelidik, Azman Mohd Yusof, 35, berkata kerajaan mesti pastikan setiap projek rakyat berjaya dilaksanakan.

"Sekiranya projek itu gagal, Perdana Menteri berhak menggugurkan menteri berkenaan," katanya.

Di JOHOR, pegawai pentadbiran sebuah kilang, Saadiah Hussin, 37, berkata anggota Kabinet hendaklah sentiasa berusaha mendekati diri kepada masyarakat pada peringkat akar umbi.

Katanya, sebagai wakil rakyat, anggota Kabinet juga perlu menjaga kebajikan penduduk di kawasan Parlimen mereka, bekerjasama dengan pemimpin dan tokoh masyarakat dan menyertai kegiatan yang dianjurkan.

"Pemimpin perlu banyak meluangkan masa mendengar rintihan masyarakat dan cuba menyelesaikannya segera," katanya.

Ahli perniagaan, Saat Hassan, 36, pula berkata anggota Kabinet perlu memastikan projek dijanjikan dalam manifesto BN ditunaikan supaya rakyat tidak berasa kecewa.

Katanya, masalah seperti jalan kampung belum ditar, setinggan, ketiadaan bekalan air dan elektrik perlu keutamaan bagi meringankan beban rakyat.

Sementara itu, pemilik kedai elektronik, Jason Ng, 33, berpendapat setiap masalah rakyat yang disampaikan kepada anggota Kabinet hendaklah dipandang serius dan diselesaikan segera.

Di IPOH, Eksekutif bank, Fairul Nizam Othman, 29, berkata arahan Perdana Menteri itu tidak sepatutnya dilihat menjurus kepada anggota Kabinet, malah meliputi semua wakil rakyat kerajaan sama ada Parlimen atau DUN.

"Saya berpendapat wakil rakyat melihat arahan itu secara menyeluruh dengan meningkatkan tekad menunaikan segala janji atau manifesto yang diumumkan kerajaan BN sebelum pilihan raya baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, peguam, A Govindan, 36, berharap wakil rakyat, terutama menteri yang sibuk dengan pelbagai urusan di Kuala Lumpur supaya meluangkan masa melawat kawasan selepas memenangi pilihan raya.

"Biasanya mereka hanya kerap turun ke kawasan apabila pilihan raya semakin hampir dan selepas itu, mereka seolah-olah melupakan pengundi, kononnya sibuk dengan tugas di kementerian, selain jauh," katanya.

Pengamal perubatan swasta, Dr Chan Keng Foo, 40, pula berkata, wakil rakyat atau menteri tidak sepatutnya bimbang menyuarakan pandangan atau masalah rakyat kepada pucuk pimpinan demi memastikan semua janji memastikan taraf hidup penduduk ditunaikan kerajaan.

Katanya, jika mereka takut bersuara hasrat rakyat akan terpendam dan akhirnya mereka akan memprotes secara senyap melalui pilihan raya akan datang.

Di ALOR STAR, masyarakat di negeri ini meminta wakil rakyat BN bersikap lebih peka terhadap masalah yang dihadapi rakyat, terutama yang berkaitan dengan ekonomi dan sosial.

Seorang jurutera sebuah syarikat perunding kejuruteraan di sini, Mohd Sabri Zainol, 25, berkata wakil rakyat perlu mengutamakan suara rakyat berbanding diri sendiri kerana mereka bertugas untuk menyuarakan kepentingan rakyat.

"Biarlah rakyat yang makan dahulu, kemudian barulah wakil rakyat. Biar rakyat yang terlebih dahulu merasakan nikmat sesuatu pembangunan," katanya.

Seorang penuntut universiti tempatan, Syukarmi Zakaria, 25, berkata kebajikan rakyat harus diutamakan oleh wakil rakyat BN sebagai penghargaan terhadap sokongan yang diberikan rakyat.

Sementara itu, seorang petani di Kampung Titi Haji Idris di Jalan Datuk Kumbar, di sini, Roslan Kamaruddin, 63, berkata masyarakat petani amat memerlukan bantuan kerajaan dan ia perlu disalurkan melalui wakil rakyat yang sepatutnya melaksanakan tugas secara ikhlas dan amanah.

"Wakil rakyat jangan melawat kampung dengan menggunakan kereta besar. Tak boleh lagi berlagak macam tuan. Kena lebih mesra dengan rakyat. Kalau gaya macam tuan, susah rakyat hendak sampaikan masalah.

"Jangan biarkan hubungan antara rakyat dengan wakil rakyat semakin renggang," katanya.

Di KUANTAN, kakitangan kerajaan, Zainal Ghazali, 38, dari Pekan, berharap manifesto BN yang diumumkan pada pilihan raya lalu dilaksanakan sepenuhnya bagi kesejahteraan rakyat.

"Bagi saya, adalah baik jika pemimpin yang dipilih, khususnya Datuk Seri Najib Tun Razak yang memenangi kerusi Parlimen Pekan, sering turun padang dan meninjau masalah rakyat, walaupun ada tanggungjawab di kementerian," katanya .

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Cawangan Sabah, Awandir Matanggal berkata: "Inilah waktunya semua anggota Kabinet menunaikan janji dalam manifesto BN untuk memahami keperluan, mendengar rintihan serta berusaha memperbaiki kehidupan rakyat," katanya.

Beliau berkata, rakyat menaruh harapan tinggi terhadap pemimpin yang mereka pilih.

Di KUALA TERENGGANU, kerani Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Noor Khairunie Muhamad, 21, berkata peringatan Perdana Menteri kepada anggota Kabinet adalah satu tindakan bijak dan tepat pada masanya.

"Kepercayaan rakyat selama ini kepada kerajaan BN sejak 42 tahun lalu dalam memastikan kemenangan BN pada pilihan raya umum lalu tidak patut diabaikan begitu sahaja, rakyat perlu dibela," katanya.

Kakitangan kerajaan, Murad Mat, 43, berkata beliau setuju dengan saranan Dr Mahathir supaya setiap menteri mempunyai sikap bertanggungjawab dalam membantu rakyat.

"Kerajaan mesti mengotakan janjinya dan bagi menteri pula dia mesti memastikan janji mereka kepada rakyat sebelum pilihan raya lalu ditunaikan. Contohnya pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) perlu diteruskan sehingga ke Terengganu," katanya.

Kakitangan awam, Mohd Jasmi Ibrahim, 40, pula berkata manusia dipegang pada janji dan janji itu mesti ditunaikan.

Di MELAKA, pengurus syarikat iklan, Hazal Hasan, 30, berkata memang menjadi kewajipan semua menteri menunaikan janji dalam manifesto untuk membalas kepercayaan rakyat yang memberi mandat kepada BN menerajui negara.

Katanya, sebagai umat Islam, janji hendaklah ditunaikan dan ini hendaklah dilakukan oleh menteri, malah semua wakil rakyat.

"Jangan sampai rakyat menganggap menteri dan pemimpin BN `cakap tak serupa bikin' yang menyebabkan BN boleh tergugat pada pilihan raya akan datang," katanya.

Pendidik, Saifullah Sa'don, 28, berkata menteri juga perlu turun padang untuk bertemu rakyat di peringkat akar umbi dan jangan terlalu mengharap laporan dari pemimpin masyarakat di sesuatu tempat.

Di GEORGETOWN, seorang buruh, Sahat Hussein, 53, dari Permatang Damar Laut, berkata anggota Kabinet yang tidak turun padang seharusnya ditukar dengan anggota lain yang lebih dedikasi.

"Apa guna mempunyai anggota Kabinet yang hanya tahu bersuara tetapi tidak berani menemui orang ramai.

"Selama ini suara rakyat terutamanya golongan bawahan tidak diberi perhatian," katanya.

Di KOTA BHARU, rakyat Kelantan menyambut baik pendekatan Perdana Menteri yang mengarahkan anggota Kabinetnya bekerja keras menunaikan segala janji di dalam manifesto BN.

Pegawai insurans, Mohd Asmawi Bakar, 23, berkata anggota Kabinet perlu lebih prihatin dan memahami kehendak rakyat.

Kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Mohamad Daud, 45, berkata, menteri Kabinet sebelum ini berjaya menunaikan janji mereka walaupun negara dilanda kegawatan.

"Oleh itu, Kabinet yang baru dilantik ini seharusnya meningkatkan lagi usaha yang dilakukan anggota Kabinet lalu supaya segala program atau projek kerajaan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat," katanya.

Jururawat, Nor Rahimah Abdullah, 21, berkata untuk memenuhi kehendak rakyat, sikap bertanggungjawab di kalangan menteri Kabinet perlu ada bagi memastikan keamanan dan kestabilan ekonomi negara berkekalan.

"Untuk memberi kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan, rakyat sewajarnya diberi kuasa untuk menyatakan rasa tidak puas hati terutama terhadap pemimpin yang tidak bertanggungjawab," katanya.

(END)